


Ambil iktibar dari peristiwa Hijrah

PANDANGAN



MUHAMMAD HANIFF
HASSAN

“Hijrah dan seluruh sirah Rasulullah *saw* mengajar bahawa dakwah lebih berpotensi berkembang dalam suasana aman. Sebab itulah apabila peluang berdamai dibuka, Rasulullah *saw* mengambilnya melalui Perjanjian Hudaibiyah sehingga jumlah mereka yang menganut Islam setelah perdamaian ini melebihi keseluruhan jumlah yang masuk Islam sebelum era perdamaian.”

– Penulis.

HIJRAH adalah peristiwa penting dalam sejarah perjuangan Rasulullah *saw*.

Ia merupakan ‘turning point’, atau titik perubahan, bagi perjuangan beliau – daripada gerakan sosial kepada entiti politik dan daripada kedudukan bertahan kepada ofensif sehingga menjatuhkan kuasa jahiliah.

Sejarawan membahagikan sejarah perjuangan Rasulullah *saw* kepada dua era iaitu era Makkah dan era Madinah. Ini kerana pada dua era ini terdapat perbezaan dari segi natiyah dakwah, pendekatan dan mesej yang hendak disampaikan.

Sewajarnya peristiwa Hijrah dipelajari dan dikaji demi diambil iktibar dan pelajaran daripadanya.

Penganjuran program Zikral Hijrah dan acara-acara sambutan memperingatinya oleh badan-badan Islam adalah satu cara yang baik bagi mendidik masyarakat akan erti Hijrah dan kepentingannya.

Para penganjur wajar menyedari bahawa bersama usaha ini terdapat amanah yang besar. Mereka juga harus memahami semangat dan pengertian Hijrah serta menghayatinya, bukan sebagai hiburan atau acara suka-sukaan sebagaimana orang lain menyambut tahun baru atau hanya mengikut tradisi semata-mata.

Allah berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman! Mengapakah engkau mengatakan apa yang engkau sendiri tidak lakukan. Amat besar kebencian di sisi Allah apabila engkau mengatakan apa yang tidak kaulakukan.” (As-Saf: 2-3)

Oleh itu, eloklah kita peringatkan diri akan beberapa pengajaran penting daripada peristiwa Hijrah Rasulullah *saw*.

Kepentingan Hijrah hanya dapat benar-benar difahami dan dinilai dengan mengkaji seluruh peristiwa sejarah – sebelum dan sesudahnya.

Berikut beberapa pengajaran yang boleh diambil iktibar.

1. Asas bagi perjuangan ini ialah memenuhi masalah Islam yang menjangkau batas-batas geografi dan keluarga.

Makkah adalah tanah suci yang paling dimuliakan dalam Islam. Rasulullah *saw* juga amat mencintai Makkah sebagai tanah tumpah darahnya.

Namun, disebabkan ia sudah tidak subur bagi dakwah dan kepentingan perjuangan, beliau meninggalkan bumi yang suci lagi dicintai itu ke kawasan yang lebih baik bagi Islam.

Demikianlah, pendakwah tidak boleh terikat dengan emosinya, atau ikatan kekeluargaan, atau batas geografi sehingga mengabaikan sesuatu yang lebih baik bagi agamanya. Seorang Muslim dituntut menegakkan agamanya di mana sahaja di muka bumi ini.

Begitulah juga kehidupan ini. Orang Islam harus melihat bahawa peluang bagi kehidupan ini lebih luas daripada hanya sekadar pada tanah kelahirannya sahaja kerana seluruh dunia ini adalah bumi Allah Taala.

Hakikat ini lebih menjadi relevan dengan trend globalisasi sekarang.

2. Perancangan dan pengurusan adalah sunah Rasulullah *saw*.

Apabila Rasulullah *saw* hendak berhijrah, beliau melakukan perancangan.

Beliau meneliti siapa dalam kalangan sahabat yang layak menemaninya. Beliau merancang jalan yang perlu dilalui – bertolak ke utara sedangkan Madinah terletak di bahagian selatan dan beliau bersembunyi di gua Tsur selama tiga hari dengan tujuan mengelirukan orang-orang Quraisy. Beliau juga memilih jalan yang berdekatan laut yang jarang digunakan oleh kafilah-kafilah Arab untuk mengelak daripada dikesan.

Beliau membahagi tugas bagi menjayakan Hijrahnya. Asma’ bte Abu Bakr bertugas sebagai pembawa bekal makanan semasa beliau bersembunyi di gua dan anak lelaki Abu Bakr bertugas sebagai penggembala kambing yang menghilangkan kesan Asma’ ketika menuju ke gua.

Beliau memilih penunjuk jalan yang pakar dan dipercayai.

Beliau menugaskan Ali tidur di tempatnya sebagai muslihat dan mengembalikan barang-barang amanah kepada pemiliknya.

Beliau menyediakan logistik dan bekal seperti kuda dan makanan. Beliau menugaskan orang mengumpul maklumat dan memberi laporan kepadanya semasa bersembunyi di gua.

Banyak lagi tindakan yang menunjukkan ketelitiannya dalam merancang Hijrahnya.

Meskipun Rasulullah *saw* adalah kekasih Allah yang akan dipelihara oleh-Nya dan dijanjikan kemenangan, ia tidak menyebabkan beliau leka, berfikir secara simplistik dan mudah dalam kerja dakwah atau main asal buat sahaja.

Perjuangan ini adalah satu usaha yang kompleks yang tidak boleh dibuat sebarang.

Ungkapan “orang yang gagal merancang, sebenarnya merancang untuk gagal” bukanlah kata-kata hikmat orang Barat sahaja. Ilmu pengurusan dan perancangan juga sunah Rasulullah *saw*.

Begitu juga hidup Muslim. Ia perlu dilalui dengan perancangan. Setiap Muslim wajib merancang membangun dirinya – apa yang hendak dicapai, apakah kerjayanya, apakah kemahiran yang perlu ada.

Kita juga perlu merancang kehidupan keluarga – wawasan keluarga, masa depan anak-anak, bagaimana keluarga boleh menyumbang kepada kesolehan masyarakat dan negara.

Seorang Muslim yang bijak bukan sekadar berusaha keras malah melakukannya secara terancang dan tersusun sehingga natijah kerjanya menjadi lebih baik dan sempurna.

3. Dalam mengurus dan merancang, jangan lupa faktor Allah Taala.

Walaupun Rasulullah *saw* sudah meran-

cang Hijrahnya, orang-orang Quraisy dapat menjejaknya sehingga di muka gua. Beliau juga dikejar pemuda Quraisy dengan menaiki kuda dalam perjalanan ke Madinah. Tanpa bantuan Allah Taala, beliau boleh tertangkap.

Pendakwah ialah golongan yang merancang sebaik-baiknya tetapi sentiasa berdo’a dan mengekalkan hubungan dengan Allah (*hablum minallah*) melalui keikhlasan niat, kesucian jiwa, amal *taqarrub* yang berterusan dan kebersihan langkah.

Pendakwah harus sentiasa sedar sebaik mana pun perancangannya, Allah Taala penentu segala-galanya.

Oleh itu, dalam kesibukan mengurus kehidupan dunia, jangan lupa masa untuk Tuhan melalui solat yang wajib dan yang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, berpuasa, menunaikan zakat dan bersedekah. Dalam mengejar ilmu dan kemahiran dunia, jangan lupa ilmu agama.

Dalam kesibukan merancang dan mengurus dunia, kita juga perlu merancang dan mengurus ibadat kita agar lebih sempurna dan meningkat.

Bagi golongan bukan Islam, terdapat ruang bagi menjayakan perjuangan ini.

Penunjuk jalan hijrah Rasulullah *saw* adalah bukan penganut Islam tetapi boleh dipercayai. Ini mengajar kita bahawa walaupun Allah Taala telah menjelaskan sikap orang kafir di dalam Al-Quran, jangan sekali-kali kita menafikan ruang bagi golongan bukan Islam bersama-sama menjayakan perjuangan ini.

Antara kebijaksanaan pendakwah ialah mengenal pasti individu atau kumpulan bukan Islam yang bersimpati dan sedia membantu.

5. Dakwah boleh dijayakan dengan cara aman.

Rasulullah *saw* mengasaskan Madinah tanpa setitik darah pun mengalir. Setelah itu ia dipertahankan dengan kekuatan.

Hijrah dan seluruh sirah Rasulullah *saw* mengajar bahawa dakwah lebih berpotensi berkembang dalam suasana aman. Sebab itulah apabila peluang berdamai dibuka, Rasulullah *saw* mengambilnya melalui Perjanjian Hudaibiyah sehingga jumlah mereka yang menganut Islam setelah perdamaian ini melebihi keseluruhan jumlah yang masuk Islam sebelum era perdamaian.

Allah berfirman:

“Dan jika mereka condong untuk berdamai, maka condonglah kepadanya dan bertawakal pada Allah” (Al-Anfal: 61)

Maka itu, kita harus bersyukur akan suasana aman dan menjadi kewajipan kita memastikan suasana aman ini dipelihara kerana dakwah akan lebih mudah dijalankan.

Memelihara suasana aman dan bebas ini penting. Jika keamanan dan kebebasan hilang, ia akan hanya diganti oleh porak-peranda, tekanan dan kemudaratan yang lebih besar.

Oleh itu, umat Islam haruslah memelihara diri dan emosi daripada bertindak melulu dalam reaksi terhadap peristiwa yang menimpa umat Islam di bumi lain agar tindakan itu tidak merosakkan kebebasan dan keamanan bagi menjayakan dakwah pada hari ini dan akan datang.

Cabaran kita ialah bagaimana memanfaatkan suasana ini untuk mengulangi sejarah perkembangan Islam di Madinah dan sejarah awal kedatangan Islam di Nusantara.

Antara kebijaksanaan berdakwah ialah melakukan sesuatu di tempat yang sesuai pada suasana yang sesuai.

6. Hijrah adalah Pengorbanan dan Persaudaraan.

Rasulullah *saw* dan kaum Muslimin berkorban harta, perasaan, keluarga bahkan nyawa bagi menjayakan Hijrah.

Kesanggupan Ali tidur di tempat Rasulullah *saw*, kesanggupan Abu Bakar menahan sakit apabila digigit ular ketika di dalam gua supaya tidak mengganggu tidur Rasulullah *saw* dan kesanggupan kaum Anshar membantu kaum Muhajirin, semuanya adalah manifestasi dan penghayatan terhadap nilai persaudaraan dalam Islam.

Oleh itu, tiada kebaikan bagi perjuangan tanpa pengorbanan dan persaudaraan.

Orang yang hidupnya tiada masa untuk berkorban bagi agama ini dan membangu masyarakatnya sebagai menunaikan hak persaudaraan dalam Islam, baginya firman Allah Taala yang bermaksud:

“Katakanlah sekiranya bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, kaum keluarga kamu, harta-harta yang kamu peroleh, peniagaan yang kamu takut kemusnahannya dan rumah-rumah

yang kamu sukai, lebih kamu cintai daripada Allah, rasul-Nya dan berjihad pada jalan-Nya maka nantilah! Sehingga datang urusan Allah (yakni azab-Nya) ke atas kamu. Sesungguhnya Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang fasik.” (At-Taubah: 24)

Jika kita ingin kaitkan pengajaran di atas dengan pelbagai isu yang sedang dihadapi masyarakat Islam hari ini, maka boleh disimpulkan bahawa:

► Jalan penyelesaiannya bukan hanya terdapat di Singapura sahaja dan sumber bagi menyelesaikannya juga tidak terhad di sini.

► Dengan perancangan dan pengurusan yang baik, kita akan mampu mengatasi masalah ini. Persoalannya ialah apakah perancangan kita?

► Dalam merancang, jangan lupa keberkatan daripada Allah.

► Akan ada dalam kalangan bukan Islam yang bersimpati dan mahu membantu. Kita perlu mencari dan merangkul mereka.

► Jalan yang aman merupakan pilihan terbaik. Sekiranya belum berhasil, kita harus terus mencari huraian lain secara aman.

► Tanpa pengorbanan, kesukaran tidak akan diatasi dan tanpa nilai persaudaraan usaha kolektif sukar digerakkan. Oleh itu, menanam nilai pengorbanan dan memupuk persaudaraan adalah sebahagian daripada usaha menyelesaikan masalah kita.

► Ustaz Muhammad Haniff zamil di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Beliau berkelulusan syariah dan undang-undang (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Pengajian Antarabangsa (NTU).